



SIARAN AKHBAR

TINJAUAN EKONOMIK DAN PELABURAN (ECONOMIC AND INVESTMENT OUTLOOK) 2025

Khamis, 7 Sya'ban 1446H bersamaan dengan 6 Februari 2025M

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menganjurkan sesi *Economic and Investment Outlook 2025* pada hari Khamis, 6 Februari 2025 di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi [KKWE].
2. Sesi ini telah dihadiri oleh lebih 200 orang peserta daripada pelbagai organisasi, termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, serta agensi-agensi Kerajaan lain, institusi-institusi kewangan dan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.
3. Acara yang bertemakan "*Friends, Foes or Frenemies? Shifting Alliances in a Fragmented World*" ini membawakan beberapa pembentang daripada sektor-sektor kerajaan, swasta dan akademia untuk mengongsikan dan bertukar-tukar pandangan mengenai tren dan perkembangan ekonomi dan pasaran serta meneliti tinjauan bagi tahun 2025 dan juga bagi jangka masa sederhana dan panjang.
4. Sesi dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pengarah Urusan, BDCB. Ucapan beliau menyentuh mengenai ketidaktentuan geopolitik yang semakin meningkat serta dinamik perdagangan yang berubah-ubah, yang membentuk semula pakatan global. Perhubungan rakan kongsi tradisional sedang diuji dengan kemunculan blok-blok baharu, manakala dasar ekonomi yang semakin *inward-looking* juga telah menyumbang kepada pemecahan global yang lebih ketara. Ketidakpastian ini turut menambah ketidaktentuan dalam pasaran kewangan serta merumitkan kerjasama global. Beliau turut menyatakan bahawa peralihan dasar bank-bank pusat dan asas ekonomi (*economic fundamentals*) yang berubah-ubah menjadikan prospek tahun 2025 lebih sukar diramalkan. Sehubungan dengan itu, beliau menegaskan keperluan untuk memantau dengan lebih teliti tren dan dasar ekonomi global yang boleh memberi kesan kepada ekonomi global, serantau dan domestik, di samping menilai potensi risiko serta peluang yang ada.
5. Ini diikuti dengan pembentangan khas oleh Yang Mulia Dr. Yong Soo Keong, Penolong Profesor Kanan, School of Business and Economics, Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE). Beliau mengongsikan bahawa pemecahan dunia sepanjang dekad lalu semakin meningkat, dari aspek geopolitik, ekonomi dan teknologi. Perkara ini sebahagian besarnya didorong oleh ketegangan antara Amerika Syarikat dan Cina. Beliau juga menyatakan bahawa konflik menjejaskan kerjasama global, manakala tarif, sekatan perdagangan dan persaingan antara blok perdagangan menghadkan aktiviti rentas sempadan dan mencetuskan ketidakstabilan ekonomi dan inflasi. Sementara itu, pemecahan dari segi teknologi yang

dipacu oleh penyebaran maklumat tidak tepat serta perbezaan dalam peraturan telah menjejaskan kecekapan dan menyebabkan kerugian ekonomi. Menekankan kerentanan ekonomi-ekonomi kecil yang terbuka, beliau mengingatkan kepentingan penggubal dasar untuk meningkatkan pelaburan infrastruktur, mempelbagaikan perdagangan dan industri, mengukuhkan kerjasama serantau, dan memastikan dasar yang telus.

6. Berikutan ini, acara diteruskan dengan sesi panel yang dikendalikan oleh Yang Mulia Hajah Dayang Maizatul Najibah binti Haji Awang Mohamad, Penolong Pengarah Eksekutif (Pengawalseliaan 3), BDCB. Ahli-ahli panel terdiri daripada Yang Mulia Pengiran Abdul Rasyid bin Pengiran Haji Abdul Rajak, CFA, Konsultan Pelaburan Kanan, Baiduri Capital; Yang Mulia Syamimi binti Rousali, Associate Pelaburan, Agensi Pelaburan Brunei (BIA); Yang Mulia Profesor Alvin Ang, Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Strategik dan Dasar (CSPS); dan Yang Mulia Dayangku Norhanidah binti Pengiran Haji Masshor, Pegawai Ekonomi Kanan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), KKWE.
7. Panel tersebut menerokai pelbagai implikasi yang timbul berikutan peralihan pakatan. Ahli-ahli panel memberikan pandangan dari sudut pasaran kewangan serta perspektif ekonomi global, serantau dan tempatan. Isu-isu utama seperti perang perdagangan yang berterusan antara ekonomi-ekonomi besar, tren *re-shoring* dan *friend-shoring*, dan perlumbaan global untuk menguasai sektor teknologi juga telah dibentang. Perbincangan ini bukan sahaja meneliti pelbagai risiko dan peluang untuk para pemain ekonomi, tetapi juga memberi tumpuan kepada strategi untuk menangani ketidakpastian, mengurus turun naik ekonomi, dan mengenal pasti ruang untuk bekerjasama dalam keadaan pemecahan ekonomi dunia yang semakin ketara.
8. Tinjauan Ekonomi dan Pelaburan ini adalah salah satu daripada acara yang dianjurkan oleh BDCB yang berperanan sebagai *platform* untuk merangsang perbualan dan pertukaran pandangan mengenai pelbagai topik yang berkaitan dengan ekonomi dan pasaran kewangan.

Brunei Darussalam Central Bank

Ruj: BDCB/COMMS/3

Tarikh: 18 Sya'ban 1446H / 17 Februari 2025M